

Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi penggajian Pekerja Asing didalam sektor positif mengikut sektor.

Antara sektor-sektor yang dikategorikan sebagai sektor positif bagi penggajian pekerja asing seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia adalah seperti berikut;

1. Sektor Perkhidmatan
2. Sektor Pembinaan
3. Sektor Pembuatan
4. Sektor Perkilangan
5. Sektor Teknologi Maklumat
6. Sektor Pendidikan
7. Sektor Perladangan
8. Sektor Pertanian
9. Sektor Perlombongan

Pematuhan Arahan Tetap / Tindakan dan Tanggungjawab Kontraktor.

1. Tertakluk kepada Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
2. Mematuhi mana-mana SOP yang dikeluarkan oleh CIDB, MKN, KKM dan Agensi kerajaan yang lain.
3. Mematuhi Undang-Undang bertulis yang berkuatkuasa Akta 520 dan Akta 342.
4. **Patient Under Investigation (PUI)** dan **Person Under Surveillance (PUS)** tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.
5. Mematuhi arahan terkini Kerajaan Malaysia berkaitan dengan ujian makmal COVID-19.
6. Penyediaan maklumat dan dokumen. Mengisi dan mengemaskini maklumat didalam sistem CIMS CIDB.
7. Mendaftar pekerja sebagai Personel Binaan.
8. Membayar levi mengikut Akta 520.

Dasar Penggajian Pekerja Asing Didalam Sektor Pembinaan.

1. Membenarkan permohonan pertukaran majikan bagi pekerja asing sepanjang COVID-19.
2. Membenarkan kelonggaran mekanisme pertukaran majikan bermula dari ke sektor pekerjaan yang berlainan secara case by case basis bermula dari 10 Jun 2020.
3. Kekosongan jawatan mestilah diberi keutamaan kepada warganegara tempatan terlebih dahulu.
4. Mewajibkan pengiklanan kekosongan jawatan untuk tempoh tidak kurang dari 30 hari di Portal JobsMalaysia bagi tujuan penggajian pekerja asing dan ekspatriat.
5. Skim Bencana Kerja (SBK) Akta 4, Pendaftaran dan Caruman PERKESO dijadikan syarat wajib dalam pengeluaran dan pembaharuan Pas Penggajian Pegawai Dagang dan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi pekerja asing.